

## Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun

SITI FATIEMAH SA'AT & JAMA'YAH ZAKARIA

### ABSTRAK

*Cerita rakyat merupakan sebuah genre lisan yang disampaikan secara pertuturan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain. Warisan ini wujud pada zaman datuk nenek moyang kita suatu ketika dahulu. Namun, keadaan dan masa berubah mengikut peredaran zaman yang semakin canggih dengan teknologi dan gadget yang semakin popular di pasaran sekarang. Dalam hal ini, cerita rakyat yang dahulunya dekat dengan masyarakat kini menjadi semakin jauh dan semakin dilupakan. Dalam penulisan ini, pengkaji mengkhususkan kajian terhadap cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun yang semakin dilupakan oleh anggota masyarakatnya. Sekiranya tiada sebarang usaha yang dijalankan, cerita rakyat ini akan semakin pupus dan generasi akan datang tidak lagi mengenali cerita rakyat yang unik ini. Oleh itu, dalam penulisan ini, penulis akan memaparkan faktor-faktor yang menjadi punca kepada kepupusan cerita rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun. Dengan menggunakan kaedah temubual ke atas beberapa orang responden, penulis dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi masa depan cerita rakyat masyarakat tersebut.*

*Kata kunci: Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun*

### ABSTRACT

*Folklore is an oral genre passed down from generation to generation. This heritage exists through their ancestors some time ago. Nevertheless, as time passes by moving through sophisticated technology, people who were previously close to the community has become increasingly distant and folklore began to be forgotten. In this writing, the researcher specifies the study of folklore on the Jakun's communities which has been nearly forgotten by the members of the community. If no effort is undertaken, this folklore will be facing extinction and future generations would not be able to know the story of this unique people. Therefore, in this writing, the author will show the factors that contribute to the cause of the extinction and identifying the influence factors to the future of community folklore of Jakun's through interviews on a number of respondents.*

*Key words: Folklore of Jakun's community*

### PENGENALAN

Di Malaysia, Orang Asli terbahagi kepada tiga kumpulan bangsa yang besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Tiap-tiap bangsa yang besar ini dipecahkan kepada beberapa suku di dalamnya. Bangsa Negrito terbahagi kepada suku Kensiu, Kentaq, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Bangsa Senoi terbahagi kepada suku Temiar, Semai, Semoq Beri, Che Wong, Jah Hut dan Mah Meri, manakala bangsa Melayu-Proto terbahagi kepada suku Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 2009).

Suku Jakun adalah suku kaum Melayu Asli (Melayu-Proto) yang tinggal di Selatan Semenanjung Malaysia. Masyarakat Jakun ini berasal dari Yunan iaitu Selatan China dan mula berhijrah kira-kira 5000 tahun yang lampau. Pada ketika itu, masyarakat Orang Asli ini digelar sebagai "Batang Air" (Jabatan

Hal Ehwal Orang Asli 2009) kerana penempatan berhampiran dengan anak-anak sungai.

Menurut sumber Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, masyarakat Orang Asli Jakun masih mengamalkan kepercayaan animisme sehingga kini. Walaupun terdapat segelintir masyarakat Orang Asli Jakun memiliki agama seperti Islam, Kristian, Buddha dan sebagainya, rata-ratanya masih mengekalkan kepercayaan animisme kerana faktor kehidupan masyarakat tersebut yang dipengaruhi dan dikelilingi oleh alam sekitar seperti gunung-ganang, bukit-bukau, sungai dan hutan.

Masyarakat Orang Asli Jakun mempunyai budaya yang melambangkan identiti dan jati diri masyarakat. Menurut kamus Dewan, sosiobudaya ditakrifkan sebagai hubungan masyarakat dengan budaya cara hidup, adat istiadat dan seumpamanya untuk membentuk sebuah masyarakat yang hidup berpandukan peraturan, adat dan pantang larang

dalam sesebuah masyarakat.

Setiap kampung orang asli Jakun diketuai oleh seorang ketua yang dipanggil “Batin”. Ketua ini berkuasa penuh di atas segala hal ehwal penduduk kampung. Batin bertindak dan bertanggungjawab dalam urusan perkahwinan, sebagai ketua adat dan pentadbiran kampung. Biasanya tugas batin akan dibantu oleh beberapa orang pembantu seperti Mangku, Jukrah dan Setia dalam urusan mentadbir kampung. Mangku adalah timbalan batin dan dia akan mengambil alih tugas sementara dalam mentadbir kampung semasa ketiadaan batin.

Walaupun masyarakat ini mengamalkan adat dan budaya yang berteraskan kepercayaan animisme, terdapat sebilangan kecil masyarakat yang memeluk agama lain seperti Islam, Kristian dan Buddha. Oleh kerana masyarakat ini juga tinggal berhampiran dengan masyarakat Melayu, Cina dan India dan terdedah dengan budaya kaum lain di Malaysia proses asimilasi telah berlaku. Seperti masyarakat Malaysia yang lain kaum ini semakin terdedah dengan dunia luar. Akibatnya masyarakat ini dilihat mengamalkan budaya besar yang ada di Malaysia, seperti merayakan semua perayaan agama yang ada di Malaysia, mengamalkan adat perkahwinan yang hampir sama dengan budaya Melayu serta ziarah menziarahi jiran dan sahabat handai khususnya di musim perayaan.

### Cerita Rakyat

Salah satu sifat cerita rakyat yang utama terletak pada cara penyampaiannya. Cerita rakyat disampaikan melalui pertuturan. Ia dituturkan dari individu kepada individu yang lain atau sekumpulan individu yang lain misalnya seorang bapa akan menuturkan kepada anaknya dan begitulah seterusnya. Ismail (1986) menyatakan bahawa cerita rakyat lazimnya disampaikan secara lisan dari satu generasi kepada generasi yang lain. Generasi tua akan menyampaikan sesebuah cerita kepada anak cucu mereka. Ahli anggota keluarga atau masyarakat akan berkumpul untuk mendengarkan cerita yang disampaikan oleh penutur yang arif mengenai cerita rakyat.

Oleh sebab ia disampaikan secara lisan proses tokoh tambah akan berlaku bergantung kepada kreativiti pencerita. Justeru cerita rakyat tidak ada pemilik khusus, tetapi merupakan khazanah yang dimiliki bersama oleh sesuatu masyarakat dan kepunyaan bersama masyarakat itu sendiri dan cerita rakyat yang wujud merupakan milik bersama masyarakat (Taib 1974).

Cerita rakyat juga mempunyai sifat yang sejagat. Terdapat banyak persamaan antara cerita rakyat Melayu dengan cerita rakyat bangsa lain. Ianya bukan sahaja sama dari segi bentuk malah dari isi cerita rakyat tersebut. Misalnya cerita penglipur lara hampir sama dengan Kaba Minangkabau dan Hikayat Raja Muda mirip dengan cerita *Jack and the Beanstalk* iaitu dari cerita rakyat Amerika Utara (Ismail 1986).

Seperti masyarakat yang lain di dunia ini masyarakat Orang Asli Jakun juga mempunyai karya sastera rakyat, seperti cerita rakyat, dan puisi. Sastera rakyat ini diturunkan secara lisan dari satu generasi kepada satu generasi kerana mereka tidak mempunyai tradisi dan sistem tulisan. Tambahan pula sebagai masyarakat kecil secara relatifnya mereka bergantung kepada kaedah lisan untuk berkomunikasi dan meneruskan kelangsungan adat dan budaya.

### Fungsi Cerita Rakyat Masyarakat Jakun

Dalam kajian ini, didapati masih banyak cerita rakyat yang tersimpan dalam masyarakat tersebut yang belum didokumenkan bagi tujuan pekekalan. Banyak juga cerita rakyat masyarakat ini yang telah hilang dan dilupai. Terdapat dua bentuk sastera lisan masyarakat Orang Asli Jakun iaitu bentuk cerita dan bukan cerita. Bentuk cerita adalah dalam bentuk prosa seperti cerita dongeng, mitos, asal usul dan lain-lain. Manakala bentuk bukan cerita termasuklah perumpamaan, pantun, pepatah, peribahasa.

Cerita rakyat diwujudkan oleh masyarakat tradisi bertujuan untuk menghibur sambil mendidik (Ismail 1986). Seperti yang diketahui masyarakat Jakun tinggal di dalam hutan yang jauh daripada arus kemodenan. Namun kelangsungan masyarakat dalam keadaan yang harmoni harus diwujudkan. Pendidikan merupakan salah satu cara yang dapat menjamin keadaan ini. Oleh sebab mereka tidak mempunyai pendidikan formal sebagaimana masyarakat yang lebih maju masyarakat Jakun mendidik generasi mereka melalui lisan. Ilmu kemahiran dapat diajar melalui lisan dan praktis, tetapi ilmu yang melibatkan sikap, budi bahasa, sopan santun lebih sesuai diajar melalui cerita yang biasanya dapat menarik perhatian. Tambahan pula pendidikan melalui penceritaan lebih bersahaja dan tidak langsung.

Walaupun masyarakat Orang Asli dianggap sebagai masyarakat yang kurang maju oleh masyarakat luar, namun masyarakat ini mempunyai budaya dan corak kehidupan yang tersendiri dan

mampu membentuk serta mendidik ahli anggota masyarakatnya. Cerita rakyat digunakan untuk menyampaikan ilmu tentang kehidupan antara individu dengan individu, individu dengan alam dan individu dengan Tuhan (Fatan Hamamah 2008).

## METODOLOGI

Untuk mendapatkan maklumat tentang cerita rakyat dalam kalangan masyarakat Asli Jakun kajian ini menggunakan teknik temu bual separa struktur. Teknik temu bual separa struktur ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut tentang persepsi seseorang, pemikiran, sikap, pendapat dan seumpamanya (Taylor 1975).

Dalam kaedah ini pengkaji mempunyai set soalan yang perlu ditanya kepada informan. Namun semasa temu bual pengkaji tidak perlu bertanya mengikut urutan soalan. Kadang kala pengkaji perlu mengajukan '*probe*' bagi menarik informan kepada masalah pokok. Namun dalam keadaan biasa pengkaji mungkin membiarkan informan bercakap sehingga selesai. Semua maklumat direkodkan dan kemudian di '*transcribe*' untuk tujuan analisis. Di samping menggunakan pita rakaman suara, pengkaji juga menggunakan buku nota untuk mencatat perkara-perkara atau maklumat penting sebagai rujukan.

## HASIL KAJIAN

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada informan, cerita rakyat dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun sedang mengalami kepupusan. Generasi tua yang banyak menyimpan khazanah cerita rakyat semakin pupus kerana faktor alami manakala generasi muda tidak mempunyai minat untuk mendengar cerita rakyat dan tidak mampu untuk mewarisi cerita-cerita rakyat yang dimiliki oleh masyarakat Jakun. Tambahan pula, tiada pihak dalam masyarakat yang ingin bertanggungjawab dan berusaha untuk mengekalkan tradisi bercerita yang suatu ketika dahulu menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat.

Walau bagaimanapun, menurut pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, terdapat beberapa pengkaji tempatan yang cuba untuk mengumpul dan mendokumentasikan cerita-cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun sebagai satu cara untuk mengelakkannya daripada pupus. Namun realitinya banyak cerita rakyat sudah terkubur bersama dengan

penuturnya sebelum ia sempat didokumentasikan. Berdasarkan maklumat daripada informan, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kepupusan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun di Malaysia. Faktor ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu faktor manusia dan faktor kehadiran teknologi maklumat.

### Faktor Manusia

Sikap seseorang memainkan peranan penting dalam kehidupan. Sikap masyarakat menentukan keadaan sesuatu masyarakat. Jika dalam hal ini cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun semakin pupus maka hal yang berkait dengannya ialah sikap masyarakat tersebut yang tidak mahu mengekalkan cerita rakyat mereka.

Sikap adalah idea yang berkaitan dengan emosi yang mendorong melakukan tindakan-tindakan tertentu dalam sesuatu situasi sosial. Sikap juga adalah satu pengorganisasian yang relatif berlangsung dari proses motivasi, persepsi dan kognitif yang relatif yang menetap pada diri individu dalam hubungannya dengan aspek kehidupan. Sikap individu ini dapat diketahui dari beberapa proses seperti motivasi, emosi, persepsi dan proses kognitif yang terjadi pada diri individu secara konsisten dalam berhubungan dengan objek sikap (Triandis 1971:2).

Sikap ini pula bukan tetap dan ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Sikap seseorang dipelajari atau diperoleh daripada objek atau peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka (Halloran 1967). Beliau menegaskan masyarakat yang berbeza akan bertindak balas secara berbeza apabila didedahkan dengan objek atau peristiwa yang sama. Ini kerana masyarakat yang berbeza mempunyai budaya dan nilai yang berbeza lantas memberi tindak balas yang berbeza. Namun hakikatnya sikap boleh berubah akibat pendedahan kepada maklumat baru, melalui pengalaman, melalui paksaan, melalui pengukuhan yang positif dan lain-lain.

### Cerita rakyat adalah mitos

Mitos merupakan cerita yang bersifat dongeng yang berfungsi untuk menerangkan asal usul kejadian tertentu, termasuklah kejadian alam, manusia, binatang, dan petempatan. Pada mulanya, mitos merupakan satu bentuk kepercayaan yang memenuhi keinginan manusia untuk mengetahui asal usul sesuatu kejadian. Menurut Bascom yang dipetik dari Ismail (1986) menyatakan bahawa mitos adalah

sejenis prosa naratif yang bercorak tradisional yang dianggap oleh masyarakat sebagai sesuatu yang benar dan pernah terjadi pada masa yang lalu. Mitos juga dianggap suatu cerita yang suci yang lahir daripada sesebuah kepercayaan agama. Mitos mengisahkan tentang dewa-dewi, asal-usul kejadian alam, manusia dan kematian. Mitos juga digunakan untuk memberi penerangan tentang asal-usul sesuatu adat, ritual dan pantang larang.

Kini cerita mitos dianggap sebagai dongengan dan hanya untuk sekadar hiburan semata-mata. Hasil daripada temu bual mendapati masyarakat Orang Asli Jakun khususnya golongan muda memandang cerita rakyat sebagai cerita dongeng dan mitos semata-mata dan tidak mempunyai nilai. Hal ini dapat dinyatakan oleh Siti,

“Anak muda zaman sekarang sudah tidak mahu mengekalkan tradisi lama nenek moyang dahulu. Mereka menganggap semua adat dan tradisi nenek moyang itu karut dan sudah ketinggalan zaman”.

Berdasarkan maklumat daripada informan di atas, dapatlah diketahui bahawa sikap masyarakat Orang Asli Jakun yang menganggap cerita rakyat adalah mitos, karut dan tidak logik membuatkan cerita rakyat masyarakat itu pupus dan hilang tanpa diwarisi. Sikap tersebut mengakibatkan peninggalan warisan nenek moyang mereka semakin dilupakan dan terus lenyap dibawa oleh arus kemodenan.

Pada asasnya kemajuan ilmu sains dan teknologi kini membawa banyak kebaikan kepada masyarakat. Dengan adanya teknologi moden ini, sesuatu pekerjaan menjadi lebih mudah untuk dilaksanakan. Misalnya dalam sektor pertanian yang menggunakan jentera seperti jentolak, lori, pemotong pokok, bajak dan seumpamanya membuatkan sesuatu aktiviti penerokaan tanah dapat dijalankan dengan mudah, cepat dan menjimatkan tenaga manusia.

Kehidupan Orang Asli dengan hutan adalah berkait rapat antara satu sama lain. Disebabkan keakraban yang terjalin antara Orang Asli dengan hutan membuatkan masyarakat ini arif mengenai ilmu hutan dan tumbuh-tumbuhan. Kebergantungan hidup masyarakat ini kepada hutan akan berterusan hingga ke generasi seterusnya. Anak-anak mereka juga diajarkan kemahiran memburu dan pengetahuan tentang tumbuh-tumbuhan hutan (Ma'rof & Zahid 2008).

Dalam masyarakat Orang Asli tradisi, sesuatu penerokaan atau pembukaan hutan perlu ada ritual seperti penyembahan kepada semangat-semangat atau penunggu yang mendiami di dalam hutan

tersebut sebagai tanda hormat. Upacara penyembahan tersebut akan diketuai oleh pawang. Terdapat pantang larang yang perlu dipatuhi supaya tanaman akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada peneroka. Terdapat mantera-mantera yang tertentu yang akan dibaca oleh pawang sebagai tanda permulaan upacara penyembahan (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 2002).

Namun kini, masyarakat Orang Asli telah menerima pengaruh teknologi moden. Masyarakat Orang Asli tidak lagi mengamalkan amalan tradisi dalam pembukaan ladang atau tanah baru. Justeru amalan tradisi yang disampaikan turun temurun secara lisan kini diabaikan. Masyarakat ini menggunakan sepenuhnya jentera seperti lori, jentolak, pemotong kayu dan seumpamanya berbanding cara tradisi yang menggunakan peralatan seperti cangkul, parang, pisau dan pembacaan mantera sebelum meneroka hutan.

Walaupun terdapat cerita mitos mengenai kemarahan penunggu tanah, masyarakat Orang Asli terutamanya generasi muda sudah tidak lagi mempercayai cerita-cerita tersebut dan menganggap hanya dongengan semata-mata. Kemajuan ilmu sains dan teknologi telah mengubah minda masyarakat Orang Asli. Mereka mempelajari teknologi untuk menyara kehidupan mereka dan meninggalkan amalan tradisi nenek moyang. Amalan tradisi dan cerita-cerita rakyat yang dimiliki dianggap tidak logik dan hanya cerita dongeng yang menjadi hiburan kepada masyarakat terdahulu. Keadaan ini membuatkan cerita rakyat semakin dilupakan kerana sudah tiada nilai kepada mereka.

### **Asimilasi budaya**

Rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum tetapi masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang dominan di segi bilangan penduduk berbanding kaum Cina dan India. Oleh sebab masyarakat Jakun semakin terdedah dengan kaum-kaum lain khususnya Melayu mereka banyak terpengaruh dengan gaya kehidupan masyarakat Melayu. Keadaan ini dinamakan sebagai asimilasi budaya iaitu satu budaya kumpulan minoriti akan terpengaruh dengan budaya kumpulan majoriti. Hal ini dapat dilihat menerusi amalan mereka seperti amalan kunjung mengunjungi di musim perayaan yang diambil daripada amalan masyarakat Melayu yang biasanya tinggal berhampiran dengan penempatan masyarakat Jakun (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 2002).

Kun Maryati dan Junju Suryawat (2001) menyatakan bahawa asimilasi adalah suatu proses

sosial yang berupa usaha-usaha untuk mengurangi perbezaan antara individu atau kelompok demi kehidupan yang lebih harmoni. Asimilasi timbul apabila kelompok-kelompok manusia yang berbeza budaya saling bergaul dan menyesuaikan diri supaya tidak ada jurang perbezaan yang ketara antara dua kelompok. Dalam proses asimilasi, kumpulan minoriti akan meninggalkan budaya mereka dan menerima pakai budaya kumpulan majoriti. Kebiasaannya ia merupakan proses sehalu dan jarang ditemui kumpulan majoriti meninggalkan budaya mereka dan menerima pakai budaya kumpulan minoriti. Dalam kalangan Orang Asli yang sudah keluar menetap di luar hutan (desa atau bandar), kebanyakan mereka telah meninggalkan budaya asal mereka dan menerima pakai budaya masyarakat arus perdana, khususnya budaya masyarakat Melayu (Ma'rof & Abdul Razak 2008).

Dalam masyarakat Orang Asli Jakun, proses asimilasi yang ketara dapat dilihat menerusi beberapa amalan seperti dalam adat perkahwinan, adat potong jambul dan sambutan perayaan. Seorang informan Mak Tengah menjelaskan,

Perkahwinan Orang Asli sini sama saja dengan orang Melayu. Ada adat meminang, merisik dan bersanding. Sebelum majlis orang kampung bekerjasama memasak (merewang). Masa majlis orang Melayu pun ada datang pada kenduri kahwin. Malam hari ada kugiran untuk bersuka-suka lepas penat berkenduri.

Namun ada juga budaya yang dahulunya diamalkan akibat asimilasi, kini tidak dilakukan lagi kerana kemajuan dalam bidang perubatan.

Orang tua dulu-dulu ada buat potong jambul selepas bayi dilahirkan. Tapi sekarang dah tak buat sebab tak ada mak bidan lagi. Sekarang kalau nak beranak pergi hospital saja.

Apabila sesuatu masyarakat semakin berminat untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat lain yang lebih dominan, banyak amalan tradisi turut terhakis. Pandangan dunia mereka turut berubah dan dalam hal ini mereka tidak lagi memandang tinggi terhadap penerusan amalan bercerita bagi tujuan pendidikan mahupun hiburan. Mereka mungkin berpendapat apa sahaja amalan tradisi dalam masyarakat tidak lagi sesuai untuk diteruskan dalam dunia yang semakin memandang tinggi aspek material berbanding rohaniah. Arus kemajuan semakin deras dan masyarakat Jakun terus terbawa-bawa dalam arus ini. Tambahan pula pihak kerajaan bukan sahaja menggalakkan mereka meninggalkan amalan tradisi di segi ekonomi, malah sosial juga dengan membina

penempatan baru, memberi kemudahan elektrik dan air, mendirikan sekolah dan kemudahan infrastruktur yang lain. Kini pendidikan tidak lagi melalui tradisi bercerita tetapi diperoleh melalui pendidikan formal di sekolah-sekolah.

### **Kehilangan penutur asli**

Cerita rakyat merupakan sebuah genre sastera yang menggunakan medium lisan dan diwarisi. Cerita rakyat memerlukan penutur yang mahir atau dikenali sebagai penglipur lara. Menurut Mustafa (1984), penglipur lara dirujuk kepada penutur yang menyampaikan sesebuah cerita, seseorang yang tertentu dan khusus menjalankan pekerjaan untuk menglipur lara pendengar-pendengar.

Ini bermakna individu yang bertanggungjawab menuturkan cerita rakyat itu tergolong daripada individu yang benar-benar mahir dalam menyampaikan sesebuah cerita rakyat. Kini, penutur asli cerita rakyat semakin pupus dan lenyap ditelan zaman. Kehilangan penutur asli ini juga menjadi faktor kepada kepupusan cerita rakyat kerana cerita rakyat ini akan turut hilang bersama penuturnya sekiranya tiada usaha untuk mendokumentasikan cerita-cerita rakyat yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat. Kehilangan penutur yang mahir dan arif mengenai cerita-cerita rakyat menyebabkan generasi muda tidak mengetahui cerita-cerita rakyat yang dimiliki oleh kaum mereka seperti kata Siti,

Cerita-cerita seperti badang dulu ada, tapi saya tahu sikit-sikit saja. Atok yang tahu cerita penuhnya sebab masa saya kecil dulu dia selalu bercerita kepada saya. Tapi sekarang dia dah meninggal. Saya pun tak tahu cerita-cerita yang orang dulu-dulu.

Kehilangan penutur asli membuatkan cerita rakyat terkubur bersama-sama dengan penuturnya. Selain itu, faktor usia yang semakin tua juga menyebabkan masyarakat gagal untuk mengingat kesemua cerita rakyat yang dimiliki oleh kaum mereka. Ramai informan yang dikatakan mengetahui banyak cerita mengenai cerita rakyat masyarakat tetapi disebabkan oleh usia yang lanjut, mereka telah melupainya.

### **Faktor Teknologi**

Dewasa ini, perkembangan teknologi moden semakin pesat. Teknologi yang diterima oleh masyarakat Malaysia seperti televisyen, radio, cakera padat, Internet dan seumpamanya adalah satu kemajuan

yang dilihat dari sudut positif yang di kecapai negara terutamanya dalam bidang ilmu, sains dan teknologi maklumat.

Menurut Taib (1974), pengaruh teknologi moden terkini adalah punca utama kepada kepupusan tradisi lisan atau cerita rakyat. Hal ini disebabkan oleh masyarakat menggunakan sepenuhnya teknologi moden ini. Misalnya kanak-kanak dan orang dewasa akan menonton televisyen untuk mendapatkan hiburan atau mendengar radio untuk mengetahui informasi dan maklumat yang berlaku dalam masyarakat mahupun negara. Oleh itu, penggunaan medium lisan tidak lagi berfungsi sebagai medium utama menyampaikan maklumat dalam masyarakat.

Berdasarkan maklumat rata-rata masyarakat Orang Asli Jakun telah menerima pengaruh teknologi moden. Misalnya setiap rumah memiliki televisyen, astro, cakera padat dan radio. Masyarakat Orang Asli ini menggunakan media elektronik ini sebagai bahan hiburan dan sumber informasi terkini. Secara tidak langsung, cara tradisi yang digunakan suatu ketika dahulu tidak lagi diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Aktiviti bercerita juga tidak lagi diamalkan disebabkan adanya media elektronik seperti televisyen yang lebih memonopoli berbanding dengan tradisi lisan.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun merupakan manifestasi kehidupan, pandangan hidup serta lambang jati diri masyarakat tersebut. Cerita rakyat mengandungi pengajaran nilai dan budaya yang unik. Namun, cerita rakyat masyarakat ini sedang mengalami kepupusan disebabkan oleh faktor sikap manusia dan kemajuan teknologi.

Bagi mengelakkan cerita rakyat Jakun terus pupus ia perlu di kumpul dan direkodkan. Tugas ini bukan sahaja terletak dibahu kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tetapi juga penyelidik yang prihatin. Cerita rakyat Jakun yang di kumpul dapat menjadi sumber cerita rakyat dalam bentuk cetakan mahupun elektronik untuk tatapan umum dan kanak-kanak.

## RUJUKAN

Fatan Hamamah Yahaya. 2008. Pendidikan masyarakat orang asli. Dlm. Ma'Rof Redzuan & Sarjit Gill (pnyt.). *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Halloran, J.D. 1967. *Attitude Formation and Change*. United Kingdom: Leicester University Press.
- Ismail Hamid. 1986. *Sastera Rakyat Suatu Warisan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2009. *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Perniagaan Rita
- Kun Maryati & Junju Surywati. 2001. *Sosiologi Untuk SMA dan MA Kelas X Standarisi*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Ma'Rof Redzuan & Abdul Razak Abdul Rahman. 2008. *Integrasi Orang Asli dalam Masyarakat Arus Perdana: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ma'Rof Redzuan & Zahid Emby. 2008. *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Taib Osman. 1974. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Mohd. Isa. 1984. *Penglipur Lara Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Triandis, H.C. 1971. *Attitude and Attitude Change*. New York: John Wiley and Sons. Inc.
- Taylor, S.J. 1975. *Introduction to Qualitative Research Methods*. New York: Wiley.

*Siti Fatimah Bte Sa'at*  
Pelajar Sarjana  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: fatie.siti@gmail.com

*Jama'yah Zakaria, Ph.D.*  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: jamayah@fbmk.upm.edu.my